

# PBT diarah pantau air laut pasang besar

**S**HAH ALAM: Kerajaan Selangor sudah mengarahkan semua Pegawai Daerah dan Yang Dipertua pihak berkuasa tempatan (PBT) mengeluarkan amaran banjir segera jika berlaku banjir kilat akibat air laut pasang besar mulai esok hingga Selasa depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo, berkata jika disertai hujan, fenomena air laut pasang besar boleh menyebabkan banjir kilat di kawasan rendah di Klang dan Shah Alam.

Justeru, katanya, sama ada banjir kilat akan berlaku atau tidak bergantung kepada cuaca sepanjang empat hari berkenaan.

"Air laut dijangka pasang besar setinggi tujuh meter sepanjang tempoh berkenaan dan hujan dijangka berlaku.

"Jika tidak ada hujan, tidak ada masalah. Bagaimanapun, saya sudah mengarahkan semua Pegawai Daerah dan PBT memastikan amaran disebarkan kepada penduduk di kawasan berisiko.

"Contohnya, jika di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), selain membunyikan siren amaran, rondaan berkereta juga diadakan bagi memberi amaran kepada penduduk yang terbabit," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di sini, semalam.

Dr Mohamad Khir berkata, kerajaan membuat beberapa perediaan menghadapi fenomena yang berlaku sejak tiga tahun kebelakangan ini termasuk memasang pintu air di kawasan berhampiran Stadium Shah Alam oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), selain kolam tadahan dan ban yang disenggara rapi.

Bagaimanapun, cuma kolam takungan yang sepatutnya dibina bersebelahan bangunan Stor Menyimpan Senjata (SMS) di Jalan Monfort Boys belum disiapkan kontraktor.

Beliau berkata, kerajaan Selangor sudah menghantar surat kepada Ketua Setiausaha Kementerian Keselamatan Dalam Negeri mengenai masalah berkenaan.

"Kontraktor sudah menyiapkan separuh daripada kolam tetapi menghentikan kerja kerana mereka tidak mendapat bayaran.

"Kita cuma takut kalau hujan lebat di Kuala Lumpur kerana air akan turun ke Selangor dan pada masa sama air laut pula sedang pasang. Banjir kilat boleh berlaku dalam tempoh satu hingga dua jam saja," katanya.